

# Harapan rakyat pasca PRU14

SIVAN HARTAN

14/05/2018

MIS 01



anjung minda

DR ISKANDAR HASAN TAN ABDULLAH



**K**emenangan Pakatan Harapan (Harapan) sudah dijangka pada hari terakhir kempen PRU14. Ini disebabkan 90 peratus undi Cina dan India bersama 20 peratus undi Melayu beralih kepada Harapan.

Kini, usaha Harapan perlu memikirkan perpaduan atau penyuaian nasional selepas berjaya mengalahkan Barisan Nasional (BN). Bukan mudah mengalahkan BN disebabkan usaha Pas selama 60 tahun masih menemui jalan buntu. Kegagalan strategi BN untuk mengesan sentimen anti-Najib dan emosi rakyat yang ingin melihat perubahan dalam tadbir urus telah menyebabkan BN kalah teruk.

Dalam politik, mood rakyat amat penting dalam penilaian untuk memilih parti mana yang mentadbir kerajaan. BN sekali lagi tidak mepedulikan tanda-tanda mood rakyat yang sudah bersiap sedia menukar kerajaan. Jika pada hari terakhir BN mengumumkan penghapusan GST mungkin dapat menyelamatkan kedudukannya. Tetapi BN lebih banyak memainkan isu retorik yang

akhirnya memakan diri.

Harapan rakyat kini adalah melihat adakah Harapan dapat menunaikan janji manifestonya. Harapan perlu buktikan dapat menguruskan kerajaan di Kedah dan Perak. Ini amat penting bagi persepsi rakyat yang masih menaruh sepenuh harapan kepada pemerintahan baharu.

Apa yang rakyat hendak adalah menghentikan politik wang dalam sebuah kerajaan bersih. Tiada salah urus tadbir dan tiada kronisme serta nepotisme berlaku seperti pada zaman BN. Tanggungjawab seterusnya adalah kedaulatan Islam dan Raja-raja Melayu adakah masih terjaga atau dikikiskan di kemudian hari. Ini amat penting bagi orang Melayu. Jika kedua-dua ini tidak terurus, berkemungkinan Harapan akan hadapi sekali lagi arus tsunami.

Seterusnya, adakah kerajaan Harapan dengan kemenangan kerusi majoriti mudah ini dapat dikekalkan untuk tempoh lima tahun tanpa adanya perpecahan berlaku. BN perlu menilai semula kedudukan kerusi Cina dan India. Ini disebabkan di Semenanjung hanya MIC memberikan dua kerusi daripada 11 kerusi dipertandingkan menang. Manakala, MCA hanya memberikan satu kerusi daripada 38 kerusi yang dipertandingkan menang.

Seterusnya Gerakan hilang ke-

seluruhan 11 kerusi yang dipertandingkan. Tetapi bagi kerusi-kerusi Cina Sarawak dan Cina Sabah hanya Bintulu saja kekal BN dan yang lain turut hilang dalam pertandingan. Ini menyebabkan Umno menjadi komponen terbesar dalam BN. Terpujanglah pada Umno untuk menilai semula penerimaan dasar Islam yang ditawarkan oleh Pas.

Umno juga memikirkan bentuk apakah pertandingan sistem politik untuk lima tahun akan datang. Sama ada sistem dua parti atau tiga parti. Andai kata gabungan Umno dan Pas dapat menguatkan kedudukan blok pembangkang demi kepentingan nasional. Maka perlu diteruskan dalam menyuburkan sistem demokrasi negara ini. Kalah bukan bererti penamat tetapi sebagai permulaan kepada satu pengajaran baharu bahawa rakyat lebih utama daripada parti.

Penolakan ini memberi isyarat bahawa faktor GST dan Tun Dr Mahathir Mohamad menyebabkan perubahan angin dalam sebahagian besar masyarakat Malaysia. Tidak dinafikan faktor mengadakan pengundian pada hari Rabu iaitu minggu pertengahan kerja juga menyumbang kepada kepulangan sebahagian besar anak-anak muda dari kota untuk mengundi.

Manakala bagi Melayu Islam

faktor Tsunami Politik Islam menjelaskan bahawa negeri-negeri majoriti Melayu Islam telah beralih kepada Pas dengan penguasaan Terengganu dan mengekalkan Kelantan. Malahan Pas turut menjadi *kingmaker* di Perak dan Kedah dalam pembentukan kerajaan negeri. Kemenangan Pas sebanyak 18 kerusi Parlimen membuktikan hanya pengurangan tiga kerusi Parlimen jika dibandingkan tahun 2013. Pengurangan tiga kerusi Parlimen ini disebabkan Pas bersendirian dan masih diterima oleh rakyat khususnya di Pantai Timur.

BN kalah kerana turut tidak mendengar suara rakyat khususnya golongan M40 yang siang malam menanggung peningkatan kos sara hidup. Kegagalan BN dalam mengawal kenaikan harga barangan keperluan menyebabkan ramai tidak puas hati. Impaknya pada golongan suri rumah tangga yang merupakan pengundi senyap amat besar.

Begitu juga kempen atas talian yang kurang mendapat perhatian dalam kalangan pengundi senyap. Pengundi senyap merupakan 10 peratus hingga 15 peratus daripada penjumlahan pengundi bagi setiap Dun dan Parlimen memainkan peranan utama dalam menentukan pengundian parti.

Cabaran terbesar BN adalah

mengubati hati sebahagian pemimpin yang telah berkhidmat dengannya tetapi dipecat atau diketepikan dalam soal kelangsungan kerjaya politik pemimpin tersebut. Ini sangat memberi kesan terutama perubahan pengikut kepimpinan pemimpin tersebut. Ini menyebabkan BN tidak mampu membawa bersama kesemua mantan pengikut tersebut untuk bawa kemenangan BN.

Sikap keegoan dan tidak mahu menerima perubahan mengikut situasi hari ini telah menyebabkan BN disisihkan daripada arus perdana sokongan rakyat.

Bagi Harapan, kejayaan kemenangan ini sebenarnya menguji sejauh manakah realiti politik apabila menjadi pemerintah. Bukan mudah untuk merapatkan saf dalam negara apabila sekian lama kempen politik berjalan sejak 1999 lagi. Harapan perlu merenungkan andai mengemudi satu bahtera di hulunya jernih tetapi adakah di hilirnya turut jernih?

\*Penulis ialah Pensyarah Kanan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Kelantan